

**PM rasmi
Taman Botani
Putrajaya
4 Februari**

UM 23 JAN 2003
PUTRAJAYA 22 Jan. —

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan Taman Botani Putrajaya pada 4 Februari depan sempena ulang tahun kedua Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pegawai Perhubungan Awam dan Komunikasi taman tersebut, D'Yani Ramoo berkata, sempena majlis berkenaan, Dr. Mahathir akan turut diberi penghormatan untuk menanam pokok palma yang menjadi logo rasmi taman berkenaan.

Menurutnya, spesies pokok palma yang boleh ditemui dengan banyak di Perak itu mempunyai kadar tumbesaran yang amat perlahan dan dikatakan memerlukan masa sekurang-kurangnya 30 tahun untuk berbunga.

Tambah beliau lagi, ia dijadikan logo sebagai bukti peranan Taman Botani Putrajaya dalam pemuliharaan tumbuh-tumbuhan yang diancam kepupusan.